

# IKHLAS

Ikhlas – satu-satunya perkataan yang masyhur. Ikhlas bererti suci daripada segala jenis kekotoran. Ibarat satu leburan yang belum pernah, atau tidak dicampurkan dengan lain campuran leburan. Lebih bersesuaian pula kalau disebut akan dia “kejujuran” kerana ikhlas adalah mengenai perasaan hati.

(oleh: Yusof Yunus)

Orang yang mempunyai sifat keikhlasan itu adalah sama tentang pendiriannya. Baik berhadapan atau di belakang. Baik lahirnya mahu pun batin. Si pembohong pengkhianat, pencuri, pengejar pangkat dan harta kekayaan dunia, tidaklah dinamakan ikhlas. Sebab ia berlawanan dengan pengertian suci lagi murni. Tidaklah kekal dan terus berjaya – walaupun kejayaan tercapai olehnya pada ketika ini. Namun kejatuhan pasti datang menyelongkarinya nanti.

Si pembohong tidak dinamakan ikhlas. Sebab ia bertujuan mencari kepentingan bersendirian, untuk faedah berseorangan. Rajin dengan kerana bohongnya itu merosakkan orang lain. Berlawanan sekali dengan perasaan perikemanusiaan.

Si pengkhianat tidak juga diberi martabat ikhlas. perbuatannya terang-terang menjahanamkan orang lain, walaupun kerja atau rancangannya itu mendatangkan faedah terhadap dirinya, atau pun pulang pokok. Khianat lebih besar pekerjaannya dan peranannya daripada pembohong, kalau pembohong hanya kerap dengan perkataan semata-mata. Tetapi khianat berserta sama dengan perbuatan dan tipu muslihat.

Pencuri pun tidaklah boleh diberi taraf ikhlas

kepadanya pekerjaannya sama sekali tiada menaruh perasaan bertimbang rasa. Perjalanan hidupnya bercampur dengan cemar setiap detik. Barang yang diperolehinya daripada hasil curi itu tersangat salah daripada hukum adat, apa lagi hukum syarak. Adat – melarang kerana merampas harta orang lain dengan tidak setahunya. Syarak melarang kerana tidak meminta keizinan daripada tuan yang punya. Sebaik-baik rezeki ialah rezeki yang dihalalkan oleh Allah *subhānahu wa Ta'ālā*. Tiadalah bernama ikhlas orang yang mencuri.

Apalagi pada orang yang mengejar pangkat, kerana pandangan umum dan harta kekayaan dunia. Kesemuanya ini adalah kerana memerlukan rasa kepentingan bersendirian. Jauh sekali perasaan suci murni berada di dalam hatinya.

Si pengejar pangkat di dalam alunan kehidupan hari-hari adalah tidak segan-segan menekan orang lain. Orang ini terus terang melakukan bohong, khianat, dengki, kerana diselaputi oleh perasaan hati yang tamak dan loba. Orang yang begini rupa, lidahnya berputar, berpusing sebagaimana adanya pusingan siang dan malam. Kalau ia ditinggalkan oleh masyarakat, ia akan menyumpah-nyumpah, mencacat dan berani berkeras-keras menyalahkan pihak yang di atas. Tetapi kalau ia naik pula, dengan sebab

kekecohannya tadi, ia tiada keberatan menekan orang lain, terlupa segala apa yang dilawannya dahulu, segala apa yang ditentanginya kelmarin. Sebab ia sudah mencapai apa yang diidam-idamkannya.

Apakala seseorang itu tidak ikhlas, ia tidak menaruh penuh kepercayaan terhadap orang lain. Sebab orang lain diukurnya keburukan hati sama dengan perasaan keburukan di dalam hatinya. Tegasnya semua orang-orang dianggapnya sama fikirannya dengan fikiran dia yang ber-Rajakan nafsu. Dan apabila seseorang itu tidak ikhlas, kebenaran jauh sekali berada di dalam dirinya, kerana keikhlasan dan kebenaran itu adalah satu perpaduan di antara dua perasaan yang tidak boleh ditukar gantikan atau tidak boleh dipisah-pisahkan.

Orang yang mengatakan dirinya bijak di dalam segala hal, apalagi kalau ada orang yang datang kepadanya meminta sesuatu pertolongan, alamat orang itu “bodoh dan bebal”. Sebab dikatakannya bahawa ia bijak dan pandai kerana hatinya tidak ikhlas. Berharapkan upahan daripada si malang yang meminta apa-apa pertolongan itu. Upahannya adalah menahan jerat dipergentingan.

Banyak di antara kita yang membangga-banggakan keturunan. Cucu si anu, anak si anu, orang kaya atau berpangkat anu. Tujuannya supaya orang lain penuh menghormatinya, menandakan keikhlasan hatinya sangat tiada, ia berharapkan apa juga daripada sesiapa yang dipandanginya boleh berharap. Pada hal keturunannya atau keluarganya tidaklah seperti yang diceritakannya, malahan di sebaliknya pula. Orang yang secara begini jangan diharap ia akan mengenang keluarganya yang menderita apakala ia beroleh kesenangan atau kekayaan.

Keikhlasan hati itu tidaklah payah ditunjuk-tunjukkan

kepada masyarakat. Malahan lebih cepat mengetahuinya. Masyarakat cepat sekali mengambil tahu pendirian seseorang yang baharu. Ikhlas atau berpura-pura.

Tanyailah lubuk hati masing-masing. Adakah di dalam rasa ikhlas kepada Allah *subhānahu wa Ta’ālā*, tanah air, bangsa dan kewajipan? Kalau ada ikutlah yang disuruh dan hentikan yang mana ditegah. Kerana itu adalah punca bagi keikhlasan yang sejati.

Kesempurnaan ikhlas kerana ada rasa tanggung jawab.

Kesempurnaan rasa tanggungjawab harus dipupuk dengan kesabaran.

Dengan sebab adanya keikhlasan di hati, juga datang perasaan berani. Hingga sanggup membuat apa sahaja yang dikatakannya – kata di kotakan.

Berkhairat juga mahulah ikhlas. Umpamanya berkhairat bagi mendirikan sebuah masjid yang dianjurkan oleh seorang yang terkenal dan disegani, dan kerana itu ketua satu-satu jabatan memotong gaji kakitangannya dan dihadkan banyak potongannya – misalnya lima peratus, semuanya ditentukan di dalam masa enam bulan, setahun atau lebih. Adakah wang potongan itu dengan bersih hati – ikhlas – daripada tiap-tiap orang? Jawabnya. Tidak!! Sebab itu yuran dan paksaan oleh satu kuasa. Pada hal bagi mereka wang itu pada bulan tersebut ada gunanya yang lebih afdal lagi untuk keperluan hidup.

Khairat, menurut istilahnya daripada keikhlasan hati tiap-tiap seorang, tidak ditetapkan berapa banyaknya, tidak pula dengan rupa paksa.